



#SCAMALERT

JANGAN JADI MANGSA
PELABURAN HARAM

BAHAGIAN SIASATAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

TEAM EDITOR

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pengarah Bahagian Siasatan dan semua Ketua Seksyen atas bimbingan dan perkongsian ilmu sepanjang proses penghasilan buku ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pegawai penyiasat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses ini.

Semoga buku **#SCAMALERT – Jangan Jadi Mangsa Pelaburan Haram** ini dapat meningkatkan kesedaran orang awam agar tidak terjebak dengan pelaburan haram yang merugikan.

Mohamad Azies Han Bin Mohd Fadzil
Zaila Binti Zakaria
Mohd Zikri Izham Bin Zainal
Sazaisma Binti Aliman
Yogeswari A/P Krishnan
Mohd Harris Bin So'odi
Mohamad Amirul Aizat Bin Mohamad Amin
Reza Bin Abd Rani
Mohd Shamsul Bin Sanusi
Mohd Zulhilmi Bin Hamirruddin

“DIVIDES THE TASK & MULTIPLE THE SUCCESS”



ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
<i>Team Editor</i>	<i>i</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>ii</i>
<i>Jenis-jenis Pelaburan Haram</i>	<i>1</i>
1. <i>Skim Pelaburan Komoditi (Emas)</i>	<i>1</i>
2. <i>Skim Pelaburan Asas Tani (Cili, Kambing dan Lembu)</i>	<i>3</i>
3. <i>Skim Pelaburan Tanaman Kurma</i>	<i>5</i>
4. <i>Skim Pelaburan Kenderaan (Kereta)</i>	<i>7</i>
5. <i>Skim Pelaburan Kutu</i>	<i>9</i>
<i>Kenali Ciri-ciri Pelaburan Haram</i>	<i>11</i>
<i>Bagaimana Skim Pelaburan Haram Memanipulasi Mangsa</i>	<i>14</i>
<i>Tips Menghindari daripada Menyertai Pelaburan Haram</i>	<i>18</i>
<i>Laporkan Aktiviti Pelaburan Haram (Agensi Penguatkuasaan)</i>	<i>20</i>
<i>“Contoh Kes Pelaburan Haram”</i>	<i>22</i>
<i>Penutup</i>	<i>27</i>

PENGENALAN

Pelaburan haram bermaksud pemberian deposit kepada entiti atau individu yang tidak dikawal selia oleh undang-undang di Malaysia. Pelaburan haram beroperasi tanpa mempunyai lesen yang sah dan tidak berdaftar. Aktiviti pelaburan haram ini menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi dan tidak munasabah. Oleh itu, orang ramai dinasihati agar tidak membuat sebarang pelaburan dengan individu atau entiti yang tidak dikawal selia di bawah undang-undang yang berkaitan.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengambil inisiatif dengan mengadakan kempen kesedaran bermula dari tahun 2018. Kempen ini dikenali sebagai #Scamalert2018. Setelah mendapat sambutan yang baik dari orang awam, kempen kesedaran ini diteruskan sehingga tahun 2019 dan dikenali sebagai #Scamalert2019. Objektif kempen kesedaran berkenaan pelaburan haram ini antara lain adalah untuk menyebarkan maklumat dan ciri-ciri pelaburan haram, meningkatkan kesedaran kepada orang awam berkenaan pelaburan haram dan sekali gus mengelakkan lebih ramai orang awam terjebak dengan pelaburan haram ini.

Aduan yang telah diterima oleh SSM berkaitan pelaburan haram seperti e-money, forex, skim pelaburan emas, skim pelaburan asas tani seperti penanaman cili, penternakan kambing dan lembu, skim pelaburan tanaman pokok kurma, skim pelaburan kereta dan skim pelaburan kutu. Isu pelaburan haram ini terus wujud dan mempunyai impak negatif terhadap ekonomi dan masyarakat umum yang boleh menyebabkan kerugian wang jutaan ringgit.

Berdasarkan kempen kesedaran yang telah dijalankan dan maklum balas yang diterima, maka tercetuslah idea untuk menerbitkan buku berkenaan pelaburan haram yang dinamakan sebagai SCAM ALERT: “JANGAN JADI MANGSA PELABURAN HARAM”.

SSM berharap dengan semua inisiatif yang telah diambil seperti mengadakan kempen kesedaran berkenaan pelaburan haram dan menyediakan buku panduan ‘Handbook’ ini, dapat meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam sebelum membuat keputusan untuk terlibat dalam sesuatu pelaburan dan secara tidak langsung dapat mengelakkan orang awam daripada menjadi mangsa pelaburan haram.

JENIS-JENIS PELABURAN HARAM

JENIS-JENIS PELABURAN HARAM

Terdapat pelbagai jenis pelaburan haram atau tidak berdaftar beroperasi di Malaysia. Berikut adalah jenis-jenis pelaburan haram yang banyak ditawarkan pada masa kini:

1. Skim Pelaburan Komoditi (Emas)
2. Skim Pelaburan Asas Tani (Cili, Kambing dan Lembu)
3. Skim Pelaburan Buah-Buahan (Kurma dan Durian)
4. Skim Pelaburan Pajakan Kenderaan
5. Skim Pelaburan Kutu

1. Skim Pelaburan Komoditi (emas)

1



Gambar hiasan: Emas hiasan dan emas bar.

- *Skim pelaburan emas ini tidak berdaftar sangat luas, sama ada berbentuk pelaburan emas secara maya, sehinggalah sebesar penjualan emas palsu. Sebagai contoh, skim pelaburan cepat kaya berteraskan dinar emas.*
- *Skim ini merupakan pelaburan yang paling diminati oleh rakyat Malaysia. Mana tidaknya, rakyat kita sebilangannya amat suka mendengar pulangan keuntungan dalam masa yang singkat meskipun apa yang dijanjikan itu sebenarnya adalah mustahil. Antara modus operandi dalam konteks skim pelaburan emas tidak berdaftar atau haram ini biasanya berbentuk skim cepat kaya.*

Modus Operandi:

- *Modus operandi skim pelaburan emas tidak berdaftar atau haram ini biasanya berbentuk pelaburan yang menjanjikan pulangan pelaburan yang tidak munasabah.*
- *Lebih menarik lagi, syarikat hanya menunjukkan emas yang dibeli, akan tetapi tidak membenarkan pelabur menyimpan emas tersebut atas alasan ingin menggunakannya dalam pelaburan. Bergantung pada perjanjian pelabur dengan pihak syarikat atau penganjur skim, ada yang menjanjikan bayaran modal + keuntungan secara keseluruhan dalam tempoh yang singkat sebagai contoh selepas enam bulan pelaburan dibuat.*

2

Red Flag:

1. **Tanpa lesen yang sah dan tidak berdaftar.**
2. **Tidak mempunyai perjanjian jual beli emas untuk pelaburan.**
3. **Pulangan yang dijanjikan melebihi pulangan yang ditawarkan oleh syarikat pelaburan emas berlesen.**
4. **Tiada prospektus yang ditawarkan kepada pelabur.**
5. **Tidak pernah menerima fizikal emas yang dilaburkan.**

2. Skim Pelaburan Asas Tani (Cili, Kambing dan Lembu)



Gambar hiasan: Pelaburan cili, kambing dan lembu.

- *Skim pelaburan ini melibatkan penternakan haiwan seperti lembu, kambing dan juga penanaman sayuran seperti cili.*
- *Skim pelaburan yang tidak berdaftar ini melibatkan pelaburan penternakan haiwan yang diusahakan dengan tawaran modal daripada ahli serta jaminan faedah melebihi sebagai contoh 20 seingga 30 peratus sebulan.*
- *Selain itu, terdapat juga skim pelaburan tidak berdaftar melibatkan produk seperti kayu jati dan ikan air tawar yang diusahakan dengan tawaran modal kepada ahli serta jaminan faedah antara 18 hingga 30 peratus sebulan.*

Modus Operandi:

- *Modus operandi skim pelaburan tidak berdaftar ini merangkumi pelaburan secara pembelian lot tanaman sayuran. Contohnya: skim menawarkan pembelian lot tanaman cili fertigasi (RM60/lot), bahagian ternakan kambing (RM350/bahagian) dan lembu (RM750/bahagian).*
- *Jaminan pulangan faedah atau hibah yang dijanjikan adalah antara 18 hingga 30 peratus sebulan.*
- *Hanya gambar atau video lot kawasan penanaman yang kecil dan bilangan ternakan yang terhad ditunjukkan kepada pelabur secara atas talian atau yang hadir ke tapak bagi melihat kawasan. Walau bagaimanapun, kawasan penanaman atau ternakan yang wujud hanya boleh memenuhi kuota sebilangan kecil daripada jumlah pelabursebenar.*

4

Red Flag:



1. Skim pelaburan tanpa lesen yang sah dan tidak berdaftar.
2. Tiada prospektus yang ditawarkan kepada pelabur.
3. Dokumen perjanjian yang tidak lengkap dan meragukan.
4. Menjanjikan pulangan luar biasa dalam masa yang singkat.
5. Pulangan pelaburan tidak dibayar mengikut tempoh yang dijanjikan.

3. Skim Pelaburan Buah-Buahan (Kurma dan Durian)



Gambar hiasan: Kurma dan Durian.

- Satu jenis pelaburan yang tidak berdaftar melibatkan penanaman pokok kurma dan pokok durian. Pelaburan ini menjanjikan pulangan yang tinggi berdasarkan bilangan pokok kurma/durian yang dilaburkan.
- Nilai pelaburan diantara RM3,000 sehingga RM10,000 sepokok.
- Individu dan entiti perniagaan yang menjalankan pelaburan yang tidak berdaftar ini boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016.
- Akta Skim Kepentingan 2016 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda RM50 juta atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Modus Operandi:

- Modus Operandi Skim ini melibatkan urusan bermula daripada proses penanaman pokok, penjagaan pokok sehingga kepada membuah hasil. Kesemua proses dan kerja tersebut dilakukan oleh penganjur skim. Penganjur skim telah menjanjikan kepada pelabur dengan memberi jaminan akan membeli semula hasil tanaman pada harga yang ditetapkan oleh penganjur skim.
- Penganjur skim juga turut menjanjikan pulangan pelaburan yang tinggi dan tetap sepanjang tempoh skim pelaburan tersebut beroperasi.

6

Red Flag:

1. Skim pelaburan tanpa lesen yang sah dan tidak berdaftar.
2. Tiada prospektus yang ditawarkan kepada pelabur.
3. Dokumen perjanjian yang tidak lengkap dan meragukan.
4. Lokasi penanaman pokok kurma tidak wujud.
5. Skim yang menawarkan pulangan tinggi serta tidak munasabah dalam jangka masa pendek.

4. Skim Pelaburan Pajak Kenderaan



7



Gambar hiasan: Kereta baharu untuk tujuan pelaburan.

- *Modus operandi skim pajakan kenderaan ini menawarkan pendapatan bulanan menerusi skim pajakan kenderaan kepada individu yang mampu membuat pinjaman daripada pihak bank untuk pembelian kenderaan baharu. Kemudian kenderaan tersebut dipajak kepada penganjur skim.*
- *Pemajak yang memajak kenderaan tidak perlu membayar ansuran bulanan kerana mereka dijanjikan bayaran penyelesaian pinjaman bank oleh penganjur skim melalui keuntungan skim pajakan.*
- *Wujud masalah setelah segala perjanjian*

Modus Operandi:

- *Skim pajakan ini beroperasi dengan cara mengambil kereta dari pelabur dan menjual balik kereta-kereta tersebut kepada orang ketiga dengan harga 40 peratus lebih murah daripada harga pasaran.*
- *Keuntungan yang dijanjikan bergantung kepada jenis kenderaan yang dipajak. Contohnya ialah bagi kereta Perodua Axia, keuntungan sebulan yang dijanjikan RM184 manakala model kereta dari Honda boleh mencecah RM550 sebulan.*
- *Penganjur skim pajakan kenderaan ini menetapkan syarat hanya kenderaan baharu sahaja yang boleh dipajak bagi tujuan pelaburan.*

Red Flag:



1. **Skim pelaburan tanpa lesen yang sah dan tidak berdaftar.**
2. **Tiada prospektus yang ditawarkan kepada pelabur.**
3. **Dokumen perjanjian yang tidak lengkap dan meragukan.**
4. **Skim yang menawarkan pulangan yang tinggi dan tidak munasabah.**
5. **Pelabur yang tidak membuat semakan awal dan tiada pengetahuan berkaitan aktiviti pelaburan.**

5. Skim Pelaburan Kutu



Gambar hiasan: Wang kutu.

- Aktiviti wang kutu yang mendatangkan hasil yang berlipat ganda berbanding sumbangan yang diberikan termasuk sebarang pulangan tambahan selain wang sumbangan asal adalah termasuk dalam aktiviti yang dilarang dan tidak terkecuali daripada Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971.

- *Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 melarang mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (atau dahulunya Akta Syarikat 1965) atau perniagaan berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 menjalankan aktiviti perniagaan berbentuk skim wang kutu.*
- *Berdasarkan siasatan dan laporan mendapati skim pelaburan kutu ini gagal apabila wang yang dijanjikan atas pelaburan yang dibuat telah gagal diterima oleh pemain/anak kutu apabila tiba giliran menerima wang pelaburan kutu tersebut.*

Modus Operandi:

- *Penawaran skim pelaburan kutu dalam bentuk duit, telefon bimbit, perkakasan elektrik, emas dan sebagainya.*
- *Penawaran skim kutu melalui atas talian seperti Facebook dengan mengenakan bayaran bulanan sebagai contoh serendah RM50. Bayaran bulanan tersebut dimasukkan ke akaun bank milik penganjur skim pelaburan kutu.*
- *Terdapat juga aktiviti kutu emas melalui Facebook dengan mengenakan bayaran bulanan sebagai contoh sebanyak RM210. Bayaran bulanan tersebut juga dimasukkan ke akaun bank milik penganjur skim kutu emas.*
- *Modus operandi hanya menggunakan media sosial seperti Facebook yang hanya berhubung secara maya dan tidak pernah berjumpa dengan ibu kutu. Transaksi serahan wang yang digunakan hanya menggunakan perbankan internet atau Mesin Deposit Tunai (CDM).*

Red Flag:



- 1. Skim pelaburan tanpa lesen yang sah dan tidak berdaftar.**
- 2. Tiada dokumen perjanjian.**
- 3. Skim yang menawarkan pulangan yang tinggi dan tidak munasabah.**
- 4. Tidak pernah menerima fizikal barangan seperti emas, telefon bimbit atau perkakasan elektrik yang dilaburkan.**

KENALI CIRI-CIRI PELABURAN HARAM

Apakah ciri-ciri pelaburan haram?



Orang ramai dinasihati untuk berwaspada dan tidak terpedaya dengan skim yang ditawarkan. Sebagai pelabur, anda hendaklah peka dan berhati-hati apabila ditawarkan sebarang pelaburan yang mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Mengambil wang tanpa lesen dan pelaburan tidak berdaftar.

TANPA LESEN SAH dan **TIDAK BERDAFTAR**

(Red Flag:

*Cubaan melengah-lengahkan dan memberi alasan sekiranya bakal pelabur cuba meminta sijil pendaftaran sebagai bukti pelaburan tersebut adalah sah. Selidik dahulu sama ada syarikat yang menawarkan skim pelaburan tersebut sebuah syarikat yang sah. Sesuatu perniagaan atau syarikat yang berdaftar dengan SSM tidak semestinya mempunyai **LESEN** yang **SAH** bagi menganjurkan skim pelaburan. **PENDAFTARAN** perniagaan atau syarikat dan mempunyai **LESEN SAH** adalah dua perkara yang berbeza)*

2. Menjanjikan untung luar biasa.

Keuntungan yang **TINGGI** dan **LUAR BIASA**

(Red Flag:

Gagal memberikan penjelasan bagaimana keuntungan yang tinggi tersebut diperoleh dan menjanjikan pulangan yang lumayan dalam masa yang singkat. Keuntungan yang dijanjikan juga sangat tinggi jika dibandingkan dengan keuntungan yang ditawarkan oleh bank berlesen atau pelaburan yang berdaftar).

3. Untung besar tanpa sebarang risiko.

Setiap aktiviti pelaburan mempunyai risiko.

Syarikat yang menyatakan “Pelaburan yang ditawarkan **TIDAK BERISIKO**” adalah sangat berbahaya.

(Red Flag:

Syarikat yang menunjukkan ciri ini adalah sangat berbahaya kerana setiap pelaburan semestinya ada risiko).

4. Tiada trustee/pemegang amanah

Pastikan trustee perlu ada dalam mana-mana skim pelaburan. Hal ini kerana sebarang wang yang diterima, akan dimasukkan ke dalam akaun trustee dan bukan akaun syarikat. Sekiranya pihak syarikat memerlukan wang, pihak syarikat perlu membuat permohonan kepada trustee. Wang tersebut terjamin sekiranya ada pihak ketiga yang memantau wang tersebut. Oleh itu, pengarah dan pemegang akaun tidak boleh mengeluarkan wang sewenang-wenangnya.

(Red Flag:

Syarikat yang ingin menjalankan aktiviti pelaburan yang sah mestilah memiliki pemegang amanah dalam urusan kewangan bagi menjamin keselamatan wang tersebut. Pemegang amanah mestilah terdiri daripada syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah 1949).

5. Pulangan keuntungan berganda dengan cepat.

Pulangan keuntungan **CEPAT** (*kurang daripada setahun*) dan **BERGANDA DARI MODAL ASAL**.

(Red flag:

Cubaan membandingkan atau menggunakan contoh pelabur lain yang telah dapat pulangan walaupun baru sahaja membuat pelaburan).

CIRI CIRI PELABURAN HARAM

Pelaburan TIDAK BERDAFTAR

- Auta** "Jangan risau syarikat saya berdaftar dengan SSM"
- Fakta** Bukan hanya syarikat yang perlu berdaftar, pelaburan juga perlu didaftarkan

Pulangan Tinggi dan TIDAK MUNASABAH

- Auta** "Anda akan mendapat keuntungan 200% dalam tempoh 2 bulan"
- Fakta** Pulangan adalah berdasarkan kepada untung rugi syarikat

Pelaburan Kononnya TIDAK BERISIKO

- Auta** "Pelaburan ini tidak akan rugi dan anda pasti akan mendapat keuntungan"
- Fakta** Setiap pelaburan pasti mempunyai risiko



SEMAK SEBELUM MELABUR

- KPDNHEP** Senarai syarikat jualan langsung
- SSM** Senarai skim kepentingan berdaftar
- BANK NEGARA MALAYSIA** "Financial Consumer Alert"
- SURUHAN JAYA SEKURITI** "List Of Unauthorised Websites / Investment Products / Companies / Individuals"

Keperihatinan,



Gambar rajah: Ciri-ciri pelaburan haram

BAGAIMANA SKIM PELABURAN HARAM MEMANIPULASI MANGSA

Berikut ialah beberapa kaedah yang digunakan oleh individu yang menjalankan aktiviti pelaburan haram yang menyebabkan orang ramai masih menjadi mangsa pelaburan haram walaupun mereka telah didedahkan dengan maklumat dan informasi berkaitan pelaburan haram. Antara kaedah yang digunakan adalah seperti berikut:-

1. **Kesan *Halo***
2. **Menyimpang Pengesahan**
3. **Sindrom Penafian**
4. **Memanipulasi Emosi**
5. **Penetapan Bayangan**
6. **Rayuan Bersifat Sentimen**
7. **Rayuan Bersifat Autoriti**

1. Kesan *Halo*

Kesan *Halo* ialah kecelaruan proses pemikiran yang berlaku kepada seseorang apabila dirinya berasa kagum dan terpengaruh dengan watak yang ditampilkan oleh orang lain. *Halo* ialah lingkaran berbentuk bulatan bercahaya di atas kepala seseorang, seperti gambaran malaikat yang diimajinasikan oleh sesetengah orang Barat. *Halo* sering dikaitkan dengan orang yang dianggap sebagai berperwatakan agama, hero, pejuang, dan sebagainya.

“Modus operandi: Penganjur skim pelaburan akan cuba mempengaruhi orang ramai dengan berperwatakan kemas, tampil bergaya, dan memakai barangan berjenama atau berimej agamawan. Orang yang terkena kesan Halo akan menganggap pemilik skim pelaburan ini orang yang boleh dipercayai berdasarkan penampilan luaran mereka.”

Contoh ayat yang digunakan:



1. *“Dia pakai kereta mahal, mesti sebab skim ini berjaya.”*
2. *“Beliau ada gelaran Dato’. Beliau juga mempunyai PhD dari Universiti London. Bukan calang-calang orang ini.”*

2. Menyimpang Pengesahan

Menyimpang pengesahan ialah penerimaan maklumat yang bersifat berat sebelah dan hanya menyokong apa yang seseorang itu mahu percaya. Segala bukti yang berlawanan dengan kepercayaan yang sudah tertanam akan diketepikan begitu sahaja. Apabila sudah terjat dengan skim pelaburan ini, kebanyakan mangsa menolak untuk menerima nasihat orang lain yang cuba menasihati mereka tentang bahaya skim pelaburan tersebut.

Sebaliknya mereka bermati-matian percaya dengan apa yang diberitahu oleh penganjur skim pelaburan dan mengabaikan bukti-bukti nyata tentang keburukan skim pelaburan tersebut.

Contoh ayat yang digunakan:



1. *“Jangan dengar cakap orang yang tidak menyertai kerana mereka tidak faham tentang skim ini.”*
2. *“Selama ini lancar sahaja pembayaran dilakukan. Apa salahnya tertanggung sekadar sebulan dua.”*

15

3. Sindrom Penafian

Sindrom penafian berlaku kepada mangsa skim pelaburan haram sebagai contoh skim cepat kaya. Apabila orang mula mempersoalkan tentang skim pelaburan yang disertai oleh mereka. Mereka akan cuba menafikan segala masalah yang berlaku kepada skim pelaburan yang disertai dengan pelbagai alasan. Akhirnya apabila skim pelaburan itu benar-benar terkubur, mereka masih tidak insaf, malah menyertai skim pelaburan yang lain pula.

Contoh ayat yang digunakan:



1. *“Ada laporan polis terhadap skim ini kerana ramai yang dengki dengan kejayaannya.”*
2. *“Bulan ini lambat sedikit dapat dividen pelaburan sebab terlalu ramai orang berminat menyertai skim ini.”*

4. Memanipulasi Emosi

Penganjur skim pelaburan haram memanipulasi emosi mangsa dengan menjadikan skim pelaburan ini seolah-olah satu peluang keemasan yang tidak patut dilepaskan. Ini menyebabkan mangsa tidak sempat berfikir panjang lalu terburu-buru melaburkan wangnya dalam jumlah yang banyak, semata-mata ingin mendapatkan keuntungan yang cepat.

Contoh ayat yang digunakan:



1. *“Lebih banyak yang dilaburkan, lebih banyak untung.”*
2. *“Tawaran terhad hanya kepada 200 orang terawal sahaja. Selepas itu harga akan dinaikkan.”*
3. *“Ini skim yang halal dan Islamik, bukan macam skim-skim lain.”*

5. Penetapan Bayangan

Penetapan bayangan ialah taktik yang digunakan oleh skim pelaburan haram dengan menjanjikan keuntungan yang tertentu kepada orang yang menyertai skim pelaburan mereka. Phantom bermaksud khayalan dalam fikiran. Keuntungan yang digambarkan biasanya bernilai besar dan modal yang dilaburkan oleh mangsa pula dianggap kecil berbanding dengan keuntungan yang bakal diterima. Keuntungan ini sebenarnya keuntungan yang bersifat khayalan dan janji manis sahaja tetapi tidak disedari oleh mangsa yang telah dikaburi oleh penetapan bayangan.

Contoh ayat yang digunakan:



1. *“Tuan sertai dan duduk goyang kaki saja. Tiap-tiap bulan, duit masuk.”*
2. *“Tidak rugi pun kalau sertai. Kalau sudah sertai dan mahu berhenti, modal akan dipulangkan.”*

6. Rayuan Bersifat Sentimen

Rayuan bersifat sentimen ialah kesilapan pemikiran yang berlaku apabila sentimen digunakan untuk berhujah berbanding dengan memberikan fakta. Kesilapan pemikiran ini menyebabkan mangsa teragak-agak untuk keluar daripada skim penipuan yang disertainya.

Contoh keterangan rayuan bersifat sentimen:



1. *“Skim ini sudah banyak membantu orang.”*
2. *“Tidak kasihankah kepada para pelabur lain kalau kita laporkan tentang skim ini kepada polis?”*

7. Rayuan Bersifat Autoriti

Rayuan bersifat autoriti ialah kesilapan pemikiran yang berlaku apabila autoriti digunakan untuk berhujah tanpa mempertimbangkan faktor-faktor lain seperti syarikat penganjur pelaburan ialah syarikat yang telah berdaftar dengan SSM. Apa yang perlu diketahui, pengesahan autoriti sahaja belum memadai untuk mengesahkan sesuatu itu bukan skim pelaburan haram. Hal ini kerana autoriti juga mungkin tersilap jika itu bukan kepakarannya.

Banyak faktor lain yang perlu diambil kira untuk mengesahkan sesuatu pelaburan itu patuh syariah, misalnya Bank Negara mensyaratkan agar sekurang-kurangnya dua penasihat syariah yang berlatarbelakangkan pengajian syariah atau usul al-fiqh dilantik terlebih dahulu. Hal ini kerana bidang ini memerlukan pengetahuan khusus dan tidak memadai dengan hanya untuk berpandukan kelulusan dalam bidang agama secara umum.

Contoh keterangan rayuan bersifat autoriti:



1. *“Pensyarah A kata skim ini ok. Dia pun sudah menyertai.”*
2. *“Ustaz itu kata ini bukan skim penipuan.”*

TIPS MENGHINDARI DARIPADA MENYERTA PELABURAN HARAM

Apakah yang Perlu Anda Lakukan Sebelum Menyertai Sesuatu Pelaburan?



Beberapa panduan yang boleh dijadikan rujukan:

Minta maklumat penting – Tanya soalan seperti berikut:-

- i. Sekiranya anda mengirim e-mel kepada syarikat pelaburan tersebut, adakah akan dijawab?
- ii. Adakah tertera alamat syarikat yang menganjurkan pelaburan tersebut dalam laman sesawang, iklan, brosur, pamphlet dan bahan promosi?
- iii. Adakah syarikat pelaburan menggunakan nombor akaun bank yang jarang ditemui dan sukar dikesan atau menggunakan akaun bank syarikat/perniagaan lain?
- iv. Adakah syarikat pelaburan tersebut benar-benar wujud?

Awas perangkap Testimonial.

- i. Kebiasaanya testimonial akan bermain dengan emosi dan rasa tamak untuk mendapatkan keuntungan dan pulangan yang lumayan. Individu tidak sabra untuk mendapatkan keuntungan sekelip mata sahaja dengan mempelawa keluarga untuk menyertainya supaya mendapat keuntungan berganda.

Rujuk dan semak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa yang berkaitan.

- i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- ii. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP);
- iii. Bank Negara Malaysia (BNM);
- iv. Suruhanjaya Sekuriti (SC);
- v. Lain-lain agensi yang berkaitan.

Jangan melabur dalam keadaan tertekan dan tergesa-gesa.

- i. Pelabur perlu mengambil masa dan membuat rujukan kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
- ii. Jangan terburu-buru atau membiarkan diri dipaksa untuk melabur.

Berwaspada dengan sebarang peluang pelaburan yang tidak bertulis.

- i. Minta untuk melihat sebanyak mungkin dokumen pelaburan tersebut agar dapat menentukan kesahihan tawaran pelaburan itu.

Simpan semua rekod pelaburan dalam perhubungan anda.

- i. Jika sesuatu pelaburan telah dibuat/disertai, simpan kesemua dokumen yang berkaitan dengan aktiviti pelaburan dan komunikasi dengan selamat supaya boleh digunakan pada kemudian hari bagi tujuan laporan kepada pihak berkuasa.

Terlalu hebat untuk dipercayai (Too good to be true).

- i. Berkemungkinan pelaburan lumayan yang ditawarkan itu adalah satu penipuan. Pelabur perlu ingat hanya berurusan dengan institusi kewangan dan peniaga wang asing yang berlesen.

LAPORKAN AKTIVITI PELABURAN HARAM

Agensi Penguatkuasaan

Siapa yang Perlu Anda Hubungi?



Sekiranya anda mengetahui sesuatu skim pelaburan haram yang mencurigakan, anda hendaklah melaporkan perkara ini kepada agensi kerajaan (penguatkuasaan) di Malaysia untuk mendapatkan khidmat nasihat atau membuat laporan. Hal ini boleh membantu anda dan orang awam daripada ditipu oleh pengendali skim pelaburan haram.

Berikut ialah agensi kerajaan yang boleh dihubungi:

1. **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**

Menara SSM@Sentral,
No 7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-7721 4000
Faks : 03-7721 4001
E-mel : enquiry@ssm.com.my



2. **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**

No. 13,
Persiaran Perdana, Precint 2,
62623 Putrajaya.
Hotline : 1800-886-800
Tel : 03-8882 5500
Faks : 03-8882 5762
Laman Web : www.kpdnhep.gov.my



3. **Bank Negara Malaysia(BNM)**

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat
(BNMLINK)

(Walk-in Customer Service Centre)

Aras Tanah, Blok D, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.

Tel : 1-300-88-5465 (BNMTELELINK)

Faks : 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

4. **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman,

Polis Diraja Malaysia,

Aras 33, Menara 238,

Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2610 1222

Faks : 03-2610 1000

Bilik Gerakan : 03-26101599

Laman Web : ccid.rmp.gov.my

Semakan Nombor Akaun/Telefon :

ccid.rmp.gov.my/semakmule/

Infoline JSJK : 012-2111 222



5. **Suruhanjaya Sekuriti (SC)**

Pejabat Pengguna & Pelabur,

No 3, Persiaran Bukit Kiara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel : 03-6204 8999

Faks : 03-6204 8991

Emel : aduan@seccom.com.my



Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

CONTOH KES PELABURAN HARAM

Beberapa keratan akhbar berkaitan kes pelaburan haram yang boleh dijadikan rujukan:

1. Waspada skim pelaburan beli emas ala-ala 'kutu': SSM



Sumber: Keratan Akhbar Harian Metro, 11/1/2018.

BANGI, 23 Rabiulakhir 1439H, Khamis – Orang ramai diingatkan supaya berwaspada dengan skim pelaburan yang ditawarkan menerusi media sosial khususnya Facebook. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam satu kenyataan berkata, ia termasuk skim pelaburan membeli emas atau barang kemas melibatkan pengumpulan wang secara berkumpulan, ala-ala skim pelaburan kutu.

Suruhanjaya itu turut menasihatkan orang ramai untuk membuat semakan dengan agensi penguatkuasaan berkaitan bagi memastikan skim pelaburan yang ditawarkan berdaftar secara sah di bawah undang-undang sedia ada di negara ini.

Setiap skim pelaburan yang sah mestilah mempunyai dokumen prospektus bagi menerangkan produk dan risiko pelaburan berkaitan skim yang ditawarkan.

“SSM juga ingin memaklumkan bahawa menjadi satu kesalahan jenayah bagi orang perseorangan, perniagaan atau syarikat yang menjalankan perniagaan bercirikan ‘skim pelaburan kutu’,” kata kenyataan itu hari ini. Menurut SSM, jika sabit kesalahan di bawah

Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971, pesalah boleh dikenakan hukuman denda RM500,000 atau hukuman penjara maksimum 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Sehubungan itu, orang awam boleh membuat aduan rasmi kepada SSM di aduan@ssm.com.my bagi melaporkan aktiviti skim pelaburan yang mencurigakan untuk diambil tindakan semakan penguatkuasaan.

2. Pelaburan tanam pokok kurma tak berdaftar

JENAYAH

SSM serbu firma tawar pelaburan tanam kurma

Skim tidak berdaftar janji pulangan RM1 juta kepada pelabur



Rakibungku SSM mengambil keterangan ahli-tetapan syarikat pelaburan kurma serbanu di sebuah pejabat di Mid Valley, semalam.

Dibek SRI Azila Alias
azilaa@berita-harian.com.my
■ Kuala Lumpur

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyerbu sebuah syarikat di Mid Valley di sini, semalam, disyaki menawarkan skim pelaburan penanaman pokok kurma yang tidak didaftarkan.

Serbanu dibuat agapan 10 anggota Bahagian Siasatan SSM di ketua Pengarahnya, Rezy Izwan Ramly, pada jam 10.30 pagi, hari ini. Hasil risikan tiga bulan lalu selepas menerima aduan seorang pelabur Disember lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kawal Selia dan Penguatkuasaan SSM, Nor Azimah Abdul Aziz, berkata berdasarkan siasatan awal, syarikat itu didakwa menjangkit pulangan tinggi kepada pelabur berdasarkan bilangan pokok kurma yang hendak ditanam.

Schatang pokok berjual antara RM3,000 hingga RM4,000 dengan penanaman dilakukan di Kelantan, Terengganu dan Johor.

Terima aduan
Katanya, sejak menerima penanaman dan penjualan sehingga bernilai dilakukan syarikat dan hasil tanaman bernilai RM12.5 hingga RM15.5 bilion berdasarkan hasil RM11 dan satu haib.

Pulangan pelaburan dibayar berdasarkan jumlah hasil dibuktikan yang mana ia dibuktikan telah meningkat memuncak RM1 juta selepas 10 tahun.

"Kami menerima aduan daripada seorang individu yang mahu melaporkan kesalahan mengenai pelaburan ditawarkan syarikat berkenaan sebelum dia membuat pelaburan."

"Hati semakan mendapati, syarikat itu tidak mendaftarkan dengan SSM pada 2015 namun, tiada sebarang akta perundangan dalam tarikh mendaftar Akta Skim Persekitaran 2016. Atasnya, kita membuat siasatan sebelum menubuhkan operasi hari ini termasuk" katanya pada sidang media di pejabat SSM di sini, semalam.

Nor Azimah berkata, Akta Skim Persekitaran 2016 yang berkuatkuasa sejak 11 Januari lalu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda RM500,000 atau kedua-duanya sekali, jika siasat kesalahan.

Melua berkata, syarikat itu ciri akan perundangan itu rasmi di bawah dan pihaknya tidak boleh membolehkan hasil siasatan awal kerana perlu mendapatkan maklumat lanjut sebelum dapat membuktikan sama ada benar wujud penawaran skim persekitaran oleh syarikat itu.

"Kita berhadapan dalam memastikan syarikat dan entiti perniagaan tidak dibenarkan guna bagi mengalirkan operasi berketetapan dengan undang-undang serta memberikan janji pulangan kepada orang awam."

"Kita juga mahu menubuhkan perundangan umum justeru, membolehkan mereka yang terbelak oleh skim mempercayai melalui hasil-hasil pasaran" katanya.

Fakta Number

RM5,000
HARGA

sebatang pokok yang ditanam di Kelantan, Terengganu dan Johor

Sumber: Keratan Akhbar Berita Harian, 9/8/2017.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyerbu ke sebuah syarikat di sini selepas disyaki menawarkan skim pelaburan penanaman pokok kurma yang tidak didaftarkan.

Serbanu dibuat sepasukan 10 anggota Bahagian Siasatan SSM diketuai Pengarahnya, Rezy Izwan Ramly, kira-kira jam 10.30 pagi tadi, hasil risikan sejak tiga bulan lalu selepas menerima aduan seorang pelabur pada Disember tahun lalu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kawal Selia dan Penguatkuasaan SSM, Nor Azimah Abdul Aziz, berkata syarikat itu didakwa menjanjikan pulangan tinggi berdasarkan bilangan pokok kurma

dilaburkan. Katanya, setiap pokok bernilai antara RM3,000 hingga RM5,000 dengan penanaman dilakukan di Kelantan, Terengganu dan Johor.

Nor Azimah berkata, "segala urusan daripada penanaman, penjagaan sehingga pokok membuah hasil dilakukan pihak syarikat manakala hasil tanaman dibeli semula pada harga antara RM12 hingga RM20 sekilogram berdasarkan kualiti dan saiz buah.

"Pulangan pelaburan dikira berdasarkan berat kurma dihasilkan pokok berkenaan yang mana ia didakwa boleh mencecah RM1 juta selepas 10 tahun.

"Kita menerima aduan seorang individu yang mahu mendapatkan kesahihan mengenai tawaran syarikat berkenaan sebelum membuat pelaburan.

"Semakan mendapati syarikat itu mendaftar dengan SSM sebagai sebuah entiti pada 2015 namun tiada skim kepentingan didaftarkan mengikut Akta Skim Kepentingan 2016.

"Justeru, kita membuat siasatan sebelum menjalankan operasi pada hari ini," katanya pada sidang media di pejabat SSM di sini hari ini.

Nor Azimah berkata, "Akta Skim Kepentingan 2016 yang berkuat kuasa mulai 31 Januari lalu memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun, denda RM50 juta atau kedua-duanya jika sabit



Sumber: Keratan Akhbar Berita Harian, 9/8/2017.

3. Skim pelaburan haram urus transaksi RM10 juta (Ternakan Lembu dan Penanaman Pokok Cili)



Sumber: Keratan Akhbar Berita Harian, 9/8/2017,

KUALA LUMPUR: Perniagaan berstatus Enterprise yang menganjurkan skim pelaburan asas tani berpangkalan di Jerantut, Pahang, dikesan menguruskan transaksi mencapai RM10 juta, susulan penyertaan pelabur dari seluruh negara.

Transaksi terbabit dikesan penyiasat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) selepas menyemak akaun yang digunakan dalam perniagaan terbabit serta urus niaga pelaburan yang dikendalikannya secara haram selama ini.

Sumber berkata, "pelaburan yang dikendalikan lelaki terbabit menerusi perniagaan berkenaan, diklasifikasikan sebagai berprofil tinggi, kerana membabitkan transaksi kewangan yang besar dengan jumlah pelabur yang ramai.

"Siasatan masih berjalan kerana beberapa akaun lagi perlu disemak. Siasatan sudah memasuki fasa akhir membabitkan pelbagai agensi, bagi memastikan pelaburan orang ramai tidak hilang begitu saja," katanya ketika mengulas pendedahan BH semalam.

Semalam, BH membongkar kegiatan pemilik sebuah perniagaan berstatus Enterprise yang menawarkan pelaburan skim asas tani bernilai antara RM60 hingga RM750 untuk satu lot, dengan jaminan pulangan faedah atau hibah antara 18 hingga 30 peratus sebulan.

Janji pulangan faedah itu mendorong lebih 3,000 pelabur yang terpengaruh, melabur di antara RM60 hingga RM120,000 seorang. Ramai terpengaruh untuk melabur kerana pemilik perniagaan itu mendakwa ia berdaftar dengan SSM.

Semakan BH mendapati, pendaftaran perniagaan dengan SSM hanyalah prosedur biasa bagi membolehkan sesuatu perniagaan itu beroperasi tetapi ia bukan lesen untuk pemiliknya menjalankan kegiatan membabitkan pelaburan wang kepada orang ramai.



Sumber: Keratan Akhbar Berita Harian, 9/8/2017,

PENUTUP

“Bagi memastikan anda tidak terjerat dengan skim pelaburan haram yang semakin agresif mencari pelabur baharu, anda dinasihati supaya tidak membuat sebarang pembayaran deposit atau pelaburan dengan individu atau entiti yang tidak dikawal selia oleh pihak berkuasa di bawah undang-undang yang berkaitan.

Sebelum anda membuat sebarang keputusan berkaitan pelaburan, semak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya anda meragui sebarang skim yang ditawarkan oleh mana-mana pihak yang disyaki tidak berlesen.

Setiap pelabur mestilah mengetahui tujuan utama mereka melabur. Dorongan dan keperluan masing-masing mungkin berbeza. Inilah yang sebenarnya mempengaruhi cara mereka membuat keputusan dalam melakukan pelaburan. Walau apa pun tujuan pelaburan anda, semaklah dahulu kesahihan skim yang ditawarkan agar pelaburan anda tidak lebur. Sebelum melabur pastikan konsep Senarai Semak 3B diguna pakai”.

27

The infographic is divided into two main sections. The left section has a dark blue background with yellow geometric shapes and contains the title 'SENARAI SEMAK 3B' in large white and red letters. Below the title, it says 'SEMAK SEBELUM MELABUR' and 'JADI PELABUR BIJAK'. The right section has a yellow background and lists three points, each with a blue checkmark icon and a grey box containing the point's title. The points are: 1. 'SEMAK BERDAFTAR' with a sub-heading 'Pastikan entiti yang menawarkan pelaburan adalah berdaftar dengan pihak berkuasa...' and two bullet points: 'Syarikat perlu berdaftar dengan SSM' and 'Koperasi perlu berdaftar dengan SKM'. 2. 'SEMAK BERLESEN' with a sub-heading 'Pastikan pelaburan yang ditawarkan adalah berlesen dan dikawal selia oleh pihak berkuasa...' and two bullet points: 'Skim kepentingan perlu mendapatkan kelulusan daripada SSM' and 'Pemasaran pelbagai peringkat (MLM) perlu mendapat lesen daripada KPDNHEP'. 3. 'SEMAK BERINTEGRITI' with a sub-heading 'Pastikan keuntungan yang dijanjikan adalah munasabah dan dapat ditepati oleh pihak yang menawarkan pelaburan tersebut...' and one bullet point: 'Contohnya seperti ASB, keuntungan dana pelaburan di bayar dalam tempoh tertentu dan dalam % yang munasabah'. At the bottom right of the infographic, it says 'SAY NO TO SCAM'.

Gambar Rajah: Senarai semak 3B sebelum melabur.

SCAM ALERT!

Buku panduan ini dicipta dengan input dari pelbagai sumber maklumat seperti di Internet, data daripada agensi yang berkaitan dan maklumat daripada media elektronik. Kewujudan buku ini dapat memberi manfaat kepada organisasi dan juga orang ramai dalam memberi kesedaran dan mengurangkan risiko daripada menjadi mangsa pelaburan haram.

NOTA RINGKAS

